

Jahit, H. (2023, June 2). Menyuburkan budaya ilmu dan tamadun hebat selagi kita malas membaca. *Harian Metro*, p. 14.



minda

MENYUBURKAN BUDAYA ILMU DAN TAMADUN HEBAT

Selagi kita malas membaca...



Bersama
**Dr. Nor Hazrul
Mohd Salleh**



erkara pokok atau asas dalam mencapai sesuatu kejayaan ialah apabila bermula dengan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu perkara. Kefahaman pula tidak akan hadir dengan mudah melainkan selepas membaca dan mengkaji sehingga mencapai tahap dikehendaki. Sama ada dalam bidang pengajian, kerjaya atau perkhidmatan, malah termasuk juga bidang perniagaan dan perdagangan yang besar pun memerlukan pengetahuan yang baik dalam bidang masing-masing.

Dalam masyarakat maju, budaya membaca sangat tinggi seperti di Eropah, Amerika dan Jepun. Begitu juga dalam kalangan masyarakat Islam seperti di Maghribi, Algeria dan Tunisia

Dalam Islam, perintah untuk mencari ilmu sangat jelas. Allah SWT menggunakan perkataan 'iqra' (bacalah) iaitu menggunakan kata kerja yang membawa maksud 'baca'. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya." (Surah al-'Alaq, ayat 1-5)

Dengan itu, kita melihat sejak zaman Rasulullah SAW berlaku proses menuntut ilmu yang sangat aktif. Keilmuan dalam sejarah Islam merekodkan kegemilangan ulama atau sarjana yang menguasai hampir semua bidang ilmu. Tidak dapat dinafikan ulama Islam mempelopori bidang perubatan, matematik, sains, falsafah dan dengan bidang lain seperti bahasa, teknologi, pengurusan, pentadbiran dan sebagainya. Manakala, dalam sunah Rasulullah SAW, baginda sentiasa menggalakkan umat Islam mencari ilmu terutama berkaitan ajaran Islam. Tuntutan menuntut ilmu sangat tegas dengan perintah wajib ke atas setiap Muslim. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Menuntut ilmu adalah fardu ke atas setiap Muslim." (Hadis Riwayat Bukhari)

Secara pemerhatian sahaja pun kita dapat melihat bagaimana masyarakat di negara berkenaan membaca sejak daripada mendapat akhbar atau majalah pada waktu pagi. Jika berada di atas pengangkutan awam, kita dapat melihat bagaimana tabiat mereka tanpa mengira usia atau kerjaya. Mereka membaca tanpa mengira tempat dan keadaan. Perkara ini hampir tidak berlaku atau kurang popular di negara kita. Usaha dan minat sudah ada, tetapi pembudayaan minat membaca masih di tahap rendah.

Walaupun pada masa sama, kita melihat sinar dalam pembudayaan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat negara kita, kejayaannya juga masih di peringkat yang rendah. Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga melaporkan (walaupun beberapa program telah mencapai objektif), amalan membaca perlu diperkasakan. Antara program di peringkat KPM seperti Anugerah Nilam Kebangsaan, Kem Membaca iMalaysia, Kem Penulis Muda, Khemah Membaca dan Kem Literasi Maktum di sekolah.

Suatu tamadun atau bangsa hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya ilmu. Cara utama dalam membina budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat berkemahiran tinggi ialah melalui amalan tabiat membaca yang berterusan. Kementerian Pendidikan sudah melaksanakan pelbagai program galakan membaca walaupun masih perlu ditambah baik dan dipertingkatkan lagi usaha.

Mengikut beberapa kajian, budaya membaca masih rendah dalam kalangan masyarakat negara ini. Sedangkan, membaca adalah aktiviti keperluan terutama kepada pelajar sebagai aset terpenting negara dalam proses menuntut ilmu. Pelajar perlu bersedia dan peka terhadap perubahan yang berlaku.

Merujuk laman web Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), statistik pinjaman bagi Disember 2015 ialah 42,448 pengguna iaitu hanya 0.13 peratus daripada penduduk Malaysia seramai 30 juta orang. Peratusan membaca atau meminjam ini menunjukkan betapa rendah jumlah anggota masyarakat yang sering ke perpustakaan untuk meminjam bahan bacaan.

Inisiatif PNM menganjurkan Kem Membaca iMalaysia (KMIM) yang dilancarkan pada 2017 adalah bukti komitmen PNM dalam usaha mengumpul maklumat dan sebagai penggerak Program Galakan Membaca Kebangsaan dan PNM terus komited menyemarakkan budaya

membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dasar Galakan Membaca PNM adalah bagi memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu. Dasar ini bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara yang 'Menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.'

Dunia menghadapi cabaran media dan alat komunikasi. Banyak masa rakyat termasuk pelajar sudah 'dicuri' oleh gajet yang lebih kepada komunikasi, hiburan, santai dan bukan mencari maklumat berkaitan pengajian atau pekerjaan.

Justeru, pengajuran pesta buku juga sebagaimana Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 yang sedang berlangsung adalah medan terbaik untuk merangsang masyarakat menyuburkan semangat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Negara ini memerlukan warganegara yang dinamik dan mampu membawa negara ke arah menjadi negara maju dengan budaya membaca cemerlang.

Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok, Kelantan

dialog kotaraya oleh juragan

